

KOPERASI POLITEKNIK BAGAN DATUK BERHAD (A-2-1711)

Jalan Bagan Datuk,
36100 Bagan Datuk, Perak

Ruj. Kami : KPBD/2025/11-002
Tarikh : 12 November 2025

UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Politeknik Sultan Idris Shah,
45100 Sabak Bernam,
Selangor Darul Ehsan.
(u/p : En Ahmad Zafir Bin Latib)

Tuan,

PER : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN PELAJAR PRAKTIKAL ATAU LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Politeknik Bagan Datuk Berhad menyediakan tempat untuk para pelajar semester akhir menjalani latihan industri. Oleh yang sedemikian, pihak kami ingin membuat permohonan daripada pihak tuan untuk mendapatkan pelajar-pelajar dari institusi tuan bagi tujuan latihan industri/praktikal.

3. Butiran permohonan adalah seperti berikut :

Nama : Koperasi Politeknik Bagan Datuk Berhad
Alamat : Politeknik Bagan Datuk,
Jalan Bagan Datuk,
36100 Bagan Datuk,
Perak Darul Ridzuan
Bidang/Jurusan : i) Perakaunan
Berkaitan : ii) Pengurusan Perniagaan
Elaun : RM300.00 - RM400.00
Tarikh Mula Praktikal : Januari 2026

4. Para pelajar yang berminat boleh menghantar surat permohonan menjalani Latihan Industri kepada Politeknik Bagan Datuk bersama lampiran *Curriculum Vitae* (CV) dan transkrip Keputusan yang terkini kepada kooppolibd@gmail.com untuk rujukan dan tindakan pihak kami.

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan atau perlukan butiran yang lengkap, pihak tuan/puan boleh menghubungi pihak kami di talian 012-6088 556.

Semoga dengan Kerjasama dan kesudian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dapat membantu pihak kami bagi melancarkan lagi operasi Koperasi Politeknik Bagan Datuk Berhad. Jasa baik pihak tuan/puan, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



.....
(KALAIYARASU A/L GOPALAN)

Pengerusi
Koperasi Politeknik Bagan Datuk Berhad